

Lebih 80 peratus penduduk makan ayam, ikan kembung pilihan tertinggi

Rakyat Malaysia suka makan sawi

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Sawi, lobak, ubi kentang dan tomato adalah empat sayur utama yang paling popular dibeli rakyat Malaysia berdasarkan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2022.

Ketua Perangkawani Malaysia, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, empat jenis sayur itu mendapat peratusan isi rumah berbelanja tertinggi daripada keseluruhan 166 item sayur yang disenaraikan.

Beliau berkenan, berdasarkan kajian, 57.6 peratus isi rumah memilih sawi diikuti lobak (54.4 peratus), ubi kentang (54.3 peratus) dan tomato (51.2 peratus).

“Selepas ini, jika agensi kerajaan nak tanam apa-apa, kena tengok dapatan ini,” katanya pada sidang akhbar pada majlis pelancaran Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Malaysia, 2022, semalam.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan juga mestи menjaga bekalan ayam dan itik kerana lebih 80 peratus rakyat Malaysia makan ayam berdasarkan dapatan sama.



ORANG ramai sedang memilih jenis sayur-sayuran sebelum membuat pembelian susulan kenaikan harga sayur ketika tinjauan di Pasar Awam Bachang, Melaka.

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, bagi kumpulan ikan segar pula, rakyat Malaysia lebih gemar makan ikan kembung de-

ngan 53.4 peratus diikuti selayan (27.6 peratus), siakap (27.4 peratus) dan cercaru (25.4 peratus).

“Dapatkan itu diperolehi dari pada keseluruhan 115 item ikan segar yang dijual di pasaran,” ujarnya.

Selain itu, katanya, rakyat Malaysia juga lebih menggemari pasta dan mi sebagai makanan utama yang dipilih jika makan di luar rumah iaitu 91.2 peratus.

“Makanan lain yang dinikmati di luar rumah ialah teh dengan 85.5 peratus diikuti nasi ayam (83.1 peratus) dan nasi lemak (80.5 peratus),” jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Uzir berkenan, secara purata, isi rumah di Malaysia berbelanja RM5,150 sebulan pada tahun 2022 iaitu meningkat 3.7 peratus setahun bagi tempoh 2019 hingga 2022.

Katanya, di samping pendapatan yang diterima oleh isi rumah, sebahagian perbelanjaan ini dibiayai oleh penerimaan bukan pendapatan seperti bantuan kerajaan dan pengeluaran khas wang simpanan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

“Komposisi corak perbelanjaan (66.9 peratus) masih bertumpu kepada empat kumpulan perbelanjaan utama iaitu perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (23.2 peratus), makanan dan minuman bukan alkohol (16.3 peratus), restoran dan hotel (16.1 peratus) dan pengangkutan (11.3 peratus),” katanya.